

**TEKS UCAPAN
YBHG PROF. DATUK. DR MOHD HARUN BIN ABDULLAH
NAIB CANSOLOR UMS**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
KEJOHANAN BOLA SEPAK “Road To World Cup 2018”**

**TEMPAT : STADIUM UMS
TARIKH : 17 MAC 2017 (JUMAAT)
MASA : 7.00 MALAM**

Salutasi

Terima Kasih Saudara Dan Saudari, Pengacara Majlis

**Y.Brs Prof. Madya Dr Ismail Ali
Timbalan naib Canselor (HEP & Alumni)**

**En. No'man Datuk Hj. Ahmad
Pendaftar UMS**

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti

Dekan-dekan /Pengarah-pengarah /Ketua-Ketua Unit

Pengurus – pengurus Pasukan

Pegawai, Jurulatih dan Atlet -atlet Sekalian

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, salam sukan

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan ke IzinNya Kita dapat berkumpul bersama – sama pada malam ni untuk hadir memeriahkan majlis perasmian Kejohanan Bola Sepak 'Road To World Cup 2018. Bagi Pihak Universiti kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk kerana sudi hadir bersama kita pada malam ini. Terimakasih datuk.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksana atas kejayaan mengelola dan menganjurkan Kejohanan ini yang merupakan julung kalinya di adakan.
3. Aktiviti bersukan sebegini sudah tentu menyeronakkan dan sudah pasti mampu mewujudkan persaingan sihat dikalangan mahasiswa khususnya pengemar sukan bolasepak. **pengurusan Universiti sentiasa menyokong dan memberi galakkan dalam bidang sukan selari dengan agenda negara melahirkan masyarakat sihat dan membudayakan sukan.**
4. Kejohanan Bola Sepak pada hari ini merupakan acara yang bermakna bagi pengemar sukan ini dimana kita semua berpeluang untuk sama- sama melibatkan diri berusaha bersungguh-sungguh untuk menyatakan komitmen kita kepada pasukan yang kita wakili. Namun begitu, bagi saya, apa yang lebih penting di sini ialah kejayaan menganjurkan acara ini adalah satu usaha untuk mewujudkan semangat setiakawan, semangat muafakat dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan untuk dikongsi bersama-sama.

Hadirin dan hadirat

5. Ketika ini pihak pengurusan universiti giat dalam meningkatkan kemudahan sukan UMS termasuk terbaharu padang Bola Sepak TURF yang di iktiraf Oleh FIFA serta dalam usaha mendapatkan bajet melalui RP3 bagi RMK 11 untuk menggantikan trek dan balapan Olahraga.

Hadirin dan Hadirin sekalian

6. Kita sedia maklum badan yang sihat mampu melahirkan minda cergas, sudah pasti dengan adanya acara sebegini pembelajaran akan menjadi produktifiti dan mampu meningkatkan jati diri di kalangan mahasiswa khususnya.
7. Alhamdulillah pada malam ini kita amat bertuah kiat dapat bersama –sama dengan 2 orang lagenda bola sepak Negara iaitu **Datuk James Wong dan Datuk Hassan Sani** yang sudi hadir bersama kita utk memeriahkan majlis. Kita berharap dengan kehadiran lagenda ini dapat kita jadikan sumber inspirasi bagi kita terus maju dalam apa jua bidang sukan dan khususnya sukan Bola sepak. Marilah Kita beri tepukan yang gemuruh dan semangat...terimakasih

Hadirin dan hadirat sekalian

8. UMS bukan sahaja gah di negeri sendiri bahkan kita telah pun melahirkan atlet kebanggaan UMS yang mana 4 pelajar UMS telah Berjaya mewakili Malaysia **ke Sukan Sea Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2017 iaitu Saudari Fatin Aqilah Amran Sukan Lawn Bowl , Fathin Faqihah Mohd Yusof sukan Olahraga, Ji Fedaliah Claritta Jaimin Sukan Bola Sepak Wanita dan Christina Edris Sukan Ragbi Wanita** untuk membawa cabaran meraih pingat dan membawa nama negara kepersada antarabangsa . Marilah kita sama-sama doakan kejayaan mereka.
9. Saya percaya, kejohanan sukan yang diadakan seperti ini, dapat mengeratkan lagi ikatan silaturahmi di mahasiswa. Dalam sesuatu pertandingan , menang atau kalah bukanlah ukuran penting untuk

menentukan kualiti sesebuah pasukan, tetapi dinilai dari segi semangat kesukanan bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan pasukan yang menang.

10. Dari segi impak positif yang boleh di raih hasil anjuran kejohanan sukan sebegini. secara rasionalnya, ia adalah medium terbaik untuk menghimpunkan mahasiswa dari segenap pelusuk dunia tanpa mengira status, fahaman politik, warna kulit, agama dan bangsa untuk saling mengenali dan berinteraksi atas nama sebuah persahabatan dan silaturrahim yang tidak terhitung nilai harganya khususnya di Universiti.

11. Syabas dan tahniah kepada Pasukan yang menyertai kejohanan ini .komitmen dan kesungguhan inilah yang kita harapkan bagi memastikan penglibatan mahasiswa acara sukan yang dijalankan setiap tahun mencapai objektif. saya percaya tanpa penglibatan semua saudara dan saudari, sudah tentu kejohanan ini tidak akan meriah dan bermakna.

Sukan memupuk Semangat perpaduan

12. Jika kita singkap dari perspektif yang berbeza, penglibatan dalam sukan berupaya untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat majmuk khususnya di Malaysia dan amnya di universiti. Semangat kerjasama dan toleransi amat penting dalam menjayakan sesuatu aktiviti sukan agar lebih meriah dan berprestij .

13. Saya mengharapkan agar semua ahli sukan teruslah berkerjasama untuk meraih kejuaraan tanpa adanya perselisihan faham, . Melalui sukan ini kita juga mampu melihat mahasiswa yang lama dan baharu berkomunikasi serta bersaing untuk mencapai kejayaan bersama satu pasukan dan sudah tentu mampu mengerat hubungan silaturrahim.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Harapan

14. Saya berharap kejohanan sulung ini akan mampu dijadikan medan untuk tonjolkan bakat dan pemilihan pemain baharu untuk kita ketengahkan mewakili pasukan UMS ke peringkat antarabangsa.
15. Kita juga berharap agar penglibatan mahasiswa dalam bidang sukan akan mampu melahirkan mahasiswa yang mengamalkan gaya hidup sihat secara berterusan tanpa adanya tekanan dalam pembelajaran setiap hari.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

16. Perkara penting yang perlu diingat dalam mengejar kemenangan cuba elakkan terjadinya perselisihan faham diantara pasukan yang mampu mencemar nama baik pasukan dan kejohanan. Telah menjadi adat bersukan ada yang menang dan pasti ada yang kecundang.. yang menang teruskan kecemerlangan dan yang kalah pula teruskan berusaha untuk mencapai kejuaraan.

Tuan-tuan dan puan -puan

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terimakasih kepada YB Datuk atas kesudian hadir bersama dan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pengelola atas usaha merealisasikan kejohanan kali ini

Selamat bertanding kepada semua.

Sekian terima kasih..

